



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

IKLAN BILANGAN 7/2022 JAKIM

**PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41
(CONTRACT OF SERVICE)**

Taraf jawatan : **Kontrak (Contract of Service)**
Bayaran Gaji : RM2,078.00 Minima
Penempatan : Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) (4 kekosongan)
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) (1 kekosongan)
Bahagian Penerbitan, JAKIM Putrajaya (1 kekosongan)

DESKRIPSI TUGAS

Bil	Penempatan	Deskripsi Tugas
i.	IKMAS	Menjalankan secara profesional tugas mengajar secara talaqqi, mentasmi dan mentahiq hafazan Al-Quran pelajar, memastikan perkembangan hafazan pelajar mengikut silibus yang telah ditetapkan dan bertanggungjawab mendidik akhlak dan sahsiah pelajar.
ii.	IPDAS	Menyediakan rancangan pengajaran & pembelajaran mingguan dan semester, jadual spesifikasi ujian dan jadual penentu ujian untuk proses penyediaan soalan, menyediakan rubrik tugas kerja kursus seperti pembentangan, kertas tugas, program dan ujian, soalan dan skrip jawapan peperiksaan akhir, menyemak skrip jawapan peperiksaan akhir, markah dan menganalisa keputusan untuk kerja kursus dan ujian pertengahan semester, markah dan menganalisa keputusan peperiksaan akhir, melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program sijil dan diploma, melaksanakan aktiviti sebagai pengawas peperiksaan akhir program diploma dan sijil, melaksanakan tugas penyelidikan dan mencari kaedah serta strategi baru dalam pengajaran bagi meningkat penguasaan pengajaran kepada pelajar, melaksanakan penyelidikan dan penulisan akademik bagi penerbitan artikel dan jurnal.
iii.	BAHAGIAN PENERBITAN	Merancang dan menguruskan bahan-bahan terbitan JAKIM yang melibatkan buku baharu, buku ulang cetak atau cetakan pelbagai, menguruskan kerja-kerja membaca prof, penyuntingan, <i>artwork</i> , reka bentuk dan ilustrasi bahan-bahan terbitan JAKIM, menyediakan spesifikasi, taip <i>setting</i> untuk atur huruf dan percetakan bahan-bahan terbitan JAKIM dan mengurus serta menyediakan perjanjian penerbitan dan bentuk bayaran kepada penulis, penterjemah dan pentashih.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,078.00]; atau**
 - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,281.86].**
 - iii. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan:

Bil	Penempatan	Keutamaan
iv.	IKMAS	Memiliki Diploma Tahfiz daripada institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang diiktiraf oleh Darul Quran, JAKIM.
v.	IPDAS	(a) Bidang Usuluddin. (b) Memiliki Sijil Pendidikan yang berkaitan atau setaraf.
vii.	BAHAGIAN PENERBITAN	(a) Berkeupayaan untuk bekerja lebih masa dalam persekitaran yang mendesak. (b) Kelebihan kepada calon yang menguasai Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain dengan baik. (c) Berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang penyemakan proof/ penyuntingan manuskrip.

PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa dan pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara dalam talian** dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://www.spa.gov.my>
2. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
3. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan akan diproses.
4. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
 - Unit Kontrak, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM
☎ 03-8870 7614 / 03-8870 7617 / 03-8870 7637

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

13 MEI 2022 (JUMAAT)/ JAM 11.59 MALAM